

Kes jenayah komersial meningkat

KOSMO 19/12/08

MIS 13

SHAH ALAM - Sebanyak 3,426 kes jenayah komersial dicatatkan sejak awal tahun ini sehingga November lalu berbanding 2,124 kes pada tahun lalu di Selangor.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, antara kes yang dilaporkan ialah pecah amanah, tipu, jenayah siber, pemalsuan, wang palsu, kad kredit dan Akta Peminjam Wang.

"Berdasarkan statistik, kes pecah amanah meningkat kepada 670 kes pada tahun ini

berbanding 468 kes pada 2007, kes tipu 1,826 (1,217), jenayah siber 84 (24) dan pemalsuan 33 (19) dan wang palsu 241 (71).

"Namun, jumlah kerugian turun daripada RM1.6 bilion pada 2007 kepada RM200 juta pada tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Bersama Pelanggan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri di Bangunan UMNO, Seksyen 14 di sini semalam.

Bagaimanapun Khalid

memberitahu, jumlah rampasan cakera padat video atau cakera video digital lecah juga menunjukkan penurunan kepada 17,703 keping yang dirampas pada 2008 berbanding 21,029 keping pada 2007.

Selain itu kata beliau, kes-kes bersindiket menerusi peraduan sistem khidmat pesanan ringkas seperti AF4, Petronas, Maxis, Digi, Celcom dan Hotlink setakat ini juga menunjukkan sedikit penurunan.

"Namun pada masa sama, kes pinjaman ah long meningkat kepada 34 kes bagi 2008 berbanding 11 kes pada tahun lalu termasuk tipu pembelian barang melalui internet iaitu sembilan kes pada 2007 dan 23 tahun ini," jelasnya.

Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan supaya lebih bijak supaya tidak menjadi mangsa dalam kes berunsurkan jenayah komersial atau merujuk kepada JSJK bagi mendapat maklumat tepat.